

D291

U B717 BAH
MAHATHIR - KASTA

CHANGLUN, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, TIDAK ADA KASTA DI KALANGAN WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKETURUNAN INDIA.

KATANYA, MALAYSIA BEBAS DARIPADA AMALAN KASTA DAN KEDUDUKAN SEMUA WARGANEGARA MALAYSIA KETURUNAN INDIA SAMA SAHAJA DI NEGARA INI.

+DI MALAYSIA, SERENDAH MANAPUN KEDUDUKAN SESEORANG, SAMA ADA PARIAH ATAU BRAHMIN, MEREKA SAMA-SAMA BERPELUANG MENJAWAT APA JUA JAWATAN ASALKAN MEMPUNYAI KELAYAKAN,+ TEGASNYA KETIKA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN BERSAMA RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLUN, DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DAKWAAN PEMIMPIN AMIPF, M.G PANDITHAN KONONNYA Wujud AMALAN KASTA DALAM MIC ADALAH TIDAK BENAR.

BEKAS NAIB-PRESIDEN MIC ITU MARAH DENGAN PARTI TERSEBUT DENGAN MENDAKWA KONONNYA MIC TIDAK MEMBERI TEMPAT KEPADA KASTA RENDAH, KATANYA. -- LAGI.

1550MST 21 09 90

D295

U B718 BAH
MAHATHIR - KASTA 2 CHANGLUN

PERDANA MENTERI BERKATA, JIKA ADA MASALAH DALAM MIC, IA HENDAKLAH DIATASI MENERUSI RUNDINGAN DAN JANGANLAH MENGGUNAKAN ALASAN KASTA UNTUK MENDAPATKAN SESUATU.

KATANYA, BELIAU PERCAYA PANDITHAN TELAH MENGGUNAKAN DAKWAAN KASTA ITU SETELAH GAGAL UNTUK MENDAPATKAN TEMPAT DALAM MIC.

BELIAU JUGA MENINGATKAN GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI AGAR JANGAN MENGAMALKAN SIKAP SUKA MENGATA MENGENAI KETURUNAN SESEORANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP ORANG-ORANG KETURUNAN THAI AKAN MEMBERI SOKONGAN PADU KEPADA CALON-CALON BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

KATANYA, ORANG-ORANG KETURUNAN THAI DI NEGARA INI MENIKMATI BEBERAPA KEISTIMEWAAN YANG DIBERI KEPADA ORANG MELAYU SEPerti DIBENARKAN MELABUR DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN).

YANG TURUT MENIKMATI KEISTIMEWAAN ITU IALAH KETURUNAN PORTUGIS DI MELAKA, KATANYA. -- BERNAMA.

1558MST 21 09 90